



**INTERNATIONAL JOURNAL
OF ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**

www.gaexcellence.com/ijemp



**PERANAN ZAKAT DALAM MENINGKATKAN
KESEJAHTERAAN HIDUP *ASNAF* MELALUI PROGRAM
PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA**

*THE ROLE OF ZAKAT IN ENHANCING THE QUALITY OF LIFE OF
ASNAF THROUGH ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT PROGRAMMES
IN MALAYSIA*

Noorfazreen Mohd Aris^{1*}, Nurul Fadly Habidin², Fidlizan Muhammad³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Melaka, Malaysia & Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

 noor_areen@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-5713-1971>

²Fakulti Sains, Pengurusan dan Pengkomputeran, Universiti Teknologi PETRONAS, Perak, Malaysia

 fadly.habidin@utp.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-5461-142X>

³Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

 fidlizan@fpe.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-9329-0032>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.01.2026

Revised date: 11.02.2026

Accepted date: 26.02.2026

Published date: 17.03.2026

To cite this document:

Mohd Aris, N., Habidin, N. F., & Muhammad, F. (2026). Peranan Zakat Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Hidup *Asnaf* Melalui Program Pembangunan Keusahawanan di Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and*

Abstrak:

Malaysia telah mencatat kemajuan sosioekonomi yang signifikan sejak kemerdekaan, namun isu kemiskinan masih terus menjejaskan kesejahteraan hidup golongan *asnaf*. Dalam konteks ini, *zakat* berperanan sebagai mekanisme pembebasan daripada kemiskinan serta pemangkin pembangunan ekonomi melalui penyediaan bantuan kewangan, pendidikan, latihan kemahiran dan sokongan keusahawanan. Program pembangunan keusahawanan *asnaf* bukan sahaja berupaya meningkatkan pendapatan, malah turut menyumbang kepada kesejahteraan sosial, psikologi dan rohani peserta. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif untuk menilai peranan zakat sebagai pemangkin kesejahteraan hidup *asnaf* melalui program pembangunan keusahawanan di Malaysia. Analisis tertumpu kepada elemen bantuan modal, latihan kemahiran, sokongan digital, model mentor-mentee serta penerapan nilai-nilai Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integrasi sokongan kewangan, latihan praktikal, bimbingan berterusan dan penerapan nilai Islamik secara bersepadu dapat meningkatkan kemandirian ekonomi dan kesejahteraan hidup

Management Practices, 9(33),
208-220.

peserta. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti cabaran pelaksanaan program serta mencadangkan penambahbaikan bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian program pembangunan keusahawanan *asnaf* dalam jangka panjang.

DOI: 10.35631/IJEMP.933013

Kata Kunci:

Asnaf, Kesejahteraan Hidup, Maqasid Syariah, Pembangunan Keusahawanan, Zakat

Abstract:

Malaysia has experienced significant socio-economic progress since independence; however, poverty continues to adversely affect the quality of life of *asnaf* (zakat recipients). In this context, zakat serves as a mechanism for poverty alleviation and a catalyst for economic development by providing financial assistance, education, skills training and entrepreneurial support. *Asnaf* entrepreneurial development programs not only enhance income levels but also contribute to participants' social, psychological and spiritual well-being. This study adopts a descriptive qualitative approach to examine the role of zakat as a catalyst for improving the quality of life of *asnaf* through entrepreneurial development programmes in Malaysia. The analysis focuses on key elements including capital assistance, skills training, digital support, mentor-mentee models and the integration of Islamic values. The findings indicate that the integrated provision of financial support, practical training, continuous guidance and the application of Islamic values significantly enhances economic self-reliance and overall well-being among participants. In addition, the study identifies key implementation challenges and proposes programmatic improvements to ensure the effectiveness and long-term sustainability of *asnaf* entrepreneurial development initiatives.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijemp@gaexcellence.com

Keyword:

Asnaf, Entrepreneurship Development, Maqasid Syariah, Well-Being, Zakat

Pengenalan

Malaysia telah mencatat kemajuan sosioekonomi yang ketara sejak mencapai kemerdekaan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan tahap pembangunan manusia dan kesejahteraan masyarakat secara umum. Namun demikian, kemiskinan masih kekal sebagai cabaran struktur yang signifikan dan berterusan, khususnya dalam kalangan golongan rentan, sehingga menghalang pencapaian kesejahteraan hidup yang menyeluruh. Menurut World Bank (2024), kemiskinan tidak lagi boleh difahami semata-mata sebagai kekurangan pendapatan, sebaliknya

merangkumi keterbatasan akses kepada pendidikan, perkhidmatan kesihatan, keselamatan sosial dan keperluan asas lain yang mempengaruhi kualiti hidup individu dan komuniti. Sekiranya isu kemiskinan tidak ditangani secara sistematik dan bersepadu, ia berpotensi menjejaskan pelbagai dimensi kesejahteraan hidup serta membantutkan pembangunan sosioekonomi jangka panjang sesebuah negara.

Dalam konteks Islam, golongan *asnaf* merujuk kepada individu atau keluarga yang layak menerima agihan zakat bagi memenuhi keperluan asas kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, realiti kemiskinan yang berpanjangan sering mengehadkan keupayaan *asnaf* untuk keluar daripada kitaran kemiskinan secara berdikari tanpa sokongan yang bersifat menyeluruh dan berterusan. Sehubungan itu, institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia memainkan peranan yang amat penting sebagai pemegang amanah dalam merangka dan melaksanakan intervensi pembangunan yang bukan sahaja bersifat bantuan jangka pendek, tetapi turut berorientasikan pemerksaan dan pembangunan kapasiti *asnaf* secara mampan.

Islam menekankan konsep kesejahteraan hidup yang holistik melalui kerangka maqasid syariah, yang merangkumi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Shatibi, 2004). Dalam kerangka ini, zakat tidak dilihat sekadar sebagai mekanisme agihan kewangan atau bantuan kebajikan, sebaliknya berfungsi sebagai instrumen pembebasan sosial dan ekonomi yang bertujuan mengangkat martabat golongan *asnaf* serta memulihkan keseimbangan kehidupan mereka. Hal ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2:177) yang menegaskan kepentingan keadilan sosial dan tanggungjawab terhadap golongan yang memerlukan. Selain itu, Islam turut menggalakkan usaha peningkatan kedudukan ekonomi melalui pekerjaan dan penghasilan rezeki yang halal, sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Mulk (67:15), yang menekankan keperluan manusia untuk berusaha dan memanfaatkan sumber secara produktif. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pemberdayaan ekonomi *asnaf* merupakan sebahagian daripada tuntutan syariah untuk mencapai kesejahteraan yang seimbang antara aspek material dan spiritual.

Dalam kerangka tersebut, program pembangunan keusahawanan muncul sebagai salah satu pendekatan strategik dalam usaha memperkasa golongan *asnaf* melalui peningkatan kemahiran, pendapatan dan peluang ekonomi. Keusahawanan bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme penjaan pendapatan, tetapi turut berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan hidup secara menyeluruh, termasuk pembinaan keyakinan diri, autonomi, jaringan sosial dan pembangunan psikologi individu. Walau bagaimanapun, keberkesanan program pembangunan keusahawanan *asnaf* masih memerlukan penilaian yang lebih holistik dan bersepadu. Banyak kajian terdahulu cenderung menilai kejayaan program berdasarkan indikator ekonomi seperti peningkatan pendapatan atau kelangsungan perniagaan semata-mata, sedangkan kesejahteraan hidup manusia bersifat multidimensi dan melibatkan dimensi sosial, psikologi dan rohani yang saling berkait.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menilai peranan zakat sebagai pemangkin kesejahteraan hidup golongan *asnaf* melalui program pembangunan keusahawanan di Malaysia dengan memberi penekanan kepada integrasi sokongan kewangan, latihan kemahiran, bimbingan berterusan dan penerapan nilai-nilai Islam. Pendekatan ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimana zakat boleh berfungsi sebagai instrumen pembangunan yang bukan sahaja meningkatkan kemandirian ekonomi *asnaf*, tetapi juga

menyumbang kepada kesejahteraan hidup mereka secara holistik selaras dengan prinsip maqasid syariah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif berasaskan analisis dokumen dan sorotan literatur secara naratif. Pemilihan sumber literatur melibatkan artikel jurnal, dokumen akademik dan sumber literatur berkaitan dengan fokus kepada tema zakat, pembangunan keusahawanan *asnaf* dan kesejahteraan multidimensi. Analisis data dilakukan melalui pendekatan sintesis tematik, iaitu mengenal pasti pola, tema dan hubungan konseptual berkaitan peranan zakat, elemen program keusahawanan serta dimensi kesejahteraan hidup *asnaf*. Pendekatan ini membolehkan penilaian kritikal terhadap amalan sedia ada dan pembentukan cadangan penambahbaikan program yang bersifat holistik dan berasaskan prinsip maqasid syariah.

Konsep Kesejahteraan Hidup

Kesejahteraan hidup merupakan konsep multidimensi yang mendapat perhatian dalam beberapa dekad terakhir kerana peranannya dalam mewujudkan masyarakat yang sihat, produktif dan berdaya tahan (Das et al., 2020). Ia merangkumi penilaian subjektif terhadap kepuasan hidup individu atau masyarakat serta kemampuan memenuhi keperluan asas dan mencapai potensi diri (Shir Nikolaev & Wincent, 2019). Secara umum, kesejahteraan melibatkan keseimbangan antara dimensi fizikal, mental, sosial dan ekonomi (Rusk, 2022; Seligman, 2011), termasuk aspek kebahagiaan, kepuasan hidup serta kualiti hidup yang baik (Böhnke & Kohler, 2008).

Dalam perspektif Islam, kesejahteraan atau al-falah merangkumi keseimbangan antara rohani, material dan sosial serta keberhasilan di dunia dan akhirat (Rizvi & Pasha-Zaidi, 2021). Konsep ini berpaksikan maqasid syariah, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Ghazali, 1993). Islam menekankan pemenuhan keperluan spiritual melalui ibadah dan hubungan dengan Allah SWT serta keperluan material secara sederhana, termasuk keadilan pengagihan zakat bagi mengurangkan jurang ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan golongan *asnaf* (Amirus Sodiq, 2015; Rizvi & Pasha-Zaidi, 2021).

Kesejahteraan dalam Islam turut merangkumi keharmonian keluarga, tanggungjawab bersama, dan hubungan sosial yang baik, seperti ditegaskan dalam hadis Rasulullah SAW Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Daripada Muhammad bin Sa‘ad bin Abi Waqqas daripada ayahnya berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya antara perkara yang membahagiakan itu ialah tunggangan yang baik, tempat tinggal yang selesa dan isteri yang solehah. Antara perkara yang menyeksakan ialah kenderaan yang buruk, tempat tinggal yang tidak selesa dan isteri yang buruk (perangainya)” (Riwayat Tabrani). Melalui pendekatan ini, kesejahteraan hidup bukan sahaja menekankan kebahagiaan dan kepuasan duniawi, tetapi juga kesejahteraan rohani, sosial, dan ekonomi, yang memberi panduan penting dalam merangka program pembangunan, termasuk keusahawanan pertanian untuk *asnaf*.

Program Pembangunan Keusahawanan *Asnaf*

Program pembangunan keusahawanan bagi golongan *asnaf* di Malaysia merupakan inisiatif utama institusi zakat untuk membantu mereka keluar daripada kemiskinan melalui pendekatan

holistik. Program ini menggabungkan bantuan modal, latihan kemahiran, bimbingan berterusan serta sokongan digital dengan matlamat membina keupayaan peserta menjadi usahawan berdikari, berdaya saing dan mampu meningkatkan taraf hidup secara menyeluruh. Pendekatan ini turut menekankan pembentukan nilai keusahawanan, etika kerja dan pemupukan sikap berdaya tahan dalam kalangan *asnaf*.

Pelaksanaan program merangkumi beberapa elemen utama. Pertama, bantuan modal dan latihan yang disediakan oleh institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) meliputi pemberian tunai atau peralatan, kursus kemahiran, latihan pengurusan kewangan, pemasaran dan teknik pertanian moden, disertai bimbingan berterusan untuk meningkatkan keupayaan perniagaan peserta (Yusof et al., 2025; Maymunah et al., 2021; Dayang Shobihah et al., 2020). Kedua, sokongan digital seperti program *AsnafTech* 4.0 menekankan latihan pemasaran digital, subsidi pengiklanan dan penggunaan peralatan teknologi untuk memperkukuh daya saing peserta dalam ekonomi digital (Asni et al., 2025; Ismail et al., 2023). Ketiga, model mentor-mentee dan komuniti memperkukuh jaringan sokongan melalui komuniti keusahawanan dan koperasi *asnaf*, membolehkan pertukaran ilmu, pengalaman, dan bimbingan secara berterusan (Sharipah Amirah & Mohd Faizal, 2023). Keempat, penekanan nilai Islam seperti Al-Qawiyy (kuat) dan Al-Amin (amanah), bersama prinsip maqasid syariah, membentuk peserta yang beretika, cekap, dan bertanggungjawab dalam perniagaan (Shiyuti et al., 2021).

Program-program negeri seperti Skim Bantuan Jayadiri di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Program Pembangunan Sosio-Ekonomi (PSEA) di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta inisiatif atau program pertanian antaranya oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) yang mana program tersebut untuk membantu golongan *asnaf* menjadi usahawan berjaya melalui menyediakan dana, latihan dan bimbingan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan, menjadikan mereka pembayar zakat dan bukan lagi penerima (Hamdino et al., 2013; Hashim & Syed Musa, 2018; Sharipah Amirah & Mohd Faizal, 2023). Namun, kejayaan program bergantung dan dipengaruhi oleh ciri peribadi peserta, akses kepada modal, sokongan berterusan dan integrasi prinsip Islam dalam strategi pembangunan keusahawanan (Hashim et al., 2020).

Walaupun pelbagai program yang dijalankan menunjukkan peningkatan pendapatan, kadar penglibatan aktif dan kemampuan peserta keluar sepenuhnya daripada kemiskinan masih menghadapi cabaran. Faktor utama termasuk kekurangan modal, kemahiran pemasaran, motivasi peserta dan ketahanan perniagaan. Cabaran ini ditangani melalui latihan intensif, bimbingan mentor, sokongan komuniti dan penekanan nilai Islam dalam pembangunan keusahawanan (Abdullah et al., 2025; Shiyuti & Ishak, 2025).

Terdapat kajian menunjukkan impak program menunjukkan perkembangan positif, dengan kadar graduasi *asnaf* menjadi muzaki antara 30–60% dan peningkatan pendapatan peserta sehingga RM8,000–RM30,000 sebulan antaranya melalui program digital dan pertanian khusus yang terbukti meningkatkan daya saing dan pendapatan peserta, menandakan keberkesanan pendekatan yang bersasar dan inovatif (Ismail et al., 2023; Meerangani et al., 2024). Pendekatan inovatif lain, termasuk penggabungan wakaf dan zakat serta Model Kewangan Inovatif (pinjaman kebajikan), turut diterokai untuk meningkatkan keberlanjutan program dan membolehkan peserta menjadi pembayar zakat, seterusnya meningkatkan daya tahan ekonomi jangka panjang (Siti Nadiah et al., 2023).

Secara keseluruhannya, pembangunan keusahawanan *asnaf* di Malaysia memerlukan gabungan sokongan modal, latihan, bimbingan dan penerapan nilai Islam secara holistik. Program yang berintegrasi dan berterusan bukan sahaja meningkatkan pendapatan dan kemandirian ekonomi peserta, tetapi juga menyumbang kepada pengurangan kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi yang mampan.

Peranan Zakat dalam Meningkatkan Kesejahteraan Hidup *Asnaf*

Zakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan hidup golongan *asnaf* dengan menangani kemiskinan, memperkukuh ekonomi, dan menyokong pembangunan sosial serta spiritual. Pengagihan zakat dilakukan dalam pelbagai bentuk, termasuk bantuan kewangan, pendidikan, latihan kemahiran, sokongan keusahawanan, dan bantuan kesihatan, yang secara kolektif membantu *asnaf* menjadi lebih berdikari dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Pembasmian Kemiskinan

Bantuan zakat dalam bentuk kewangan membantu *asnaf* memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan, serta melindungi mereka daripada risiko kewangan akibat bencana atau kecemasan (Hanita, Adilah & Nazliatul Aniza, 2022). Pengagihan zakat yang lebih berkesan dan holistik dapat mengurangkan kebergantungan *asnaf* terhadap bantuan kebajikan dan menyediakan jalan keluar daripada kitaran kemiskinan (Fadhilah et al., 2022). Ini menunjukkan bahawa bantuan zakat bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme perlindungan sosial jangka pendek, tetapi turut menjadi asas penting dalam usaha membebaskan *asnaf* daripada kitaran kemiskinan secara berperingkat dan berterusan.

Pemeriksaan Ekonomi dan Keusahawanan

Zakat bukan sahaja membantu memenuhi keperluan asas, tetapi juga memperkasakan ekonomi melalui sokongan keusahawanan dan program produktif. Bantuan modal, projek pertanian, dan skim mikrotakaful membolehkan *asnaf* memulakan perniagaan kecil, meningkatkan pendapatan, serta mengurangkan kebergantungan jangka panjang terhadap bantuan (Suraini et al., 2021; Hanita et al., 2022; Siti Nadiah et al., 2023). Pendekatan ini turut menyokong penyertaan *asnaf* dalam ekonomi digital dan memperkukuh daya tahan kewangan mereka. Justeru, pendekatan zakat yang berorientasikan keusahawanan dan program produktif berupaya meningkatkan kemandirian ekonomi *asnaf* serta mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan zakat dalam jangka panjang.

Pendidikan, Latihan dan Kemahiran

Dana zakat digunakan untuk membiayai pendidikan dan program latihan kemahiran, termasuk pertanian, teknologi, dan keusahawanan. Latihan ini membuka peluang pekerjaan dan perniagaan bagi *asnaf*, meningkatkan kemahiran serta minda mereka, sekaligus menyokong transformasi jangka panjang dan kemandirian ekonomi (Muhammad Firdaus et al., 2021; Nurul Azma et al., 2022). Oleh itu, pelaburan zakat dalam pendidikan dan latihan kemahiran merupakan strategi pembangunan insan yang signifikan dalam memperkukuh keupayaan *asnaf* untuk menjana pendapatan secara mampan dan berdikari.

Kesejahteraan Sosial dan Kesihatan

Zakat memperkuat integrasi sosial dengan mengurangkan rasa terpinggir, membiayai projek komuniti dan meningkatkan hubungan sosial serta perpaduan masyarakat (Siti Nadiyah et al., 2023; Meraj, 2019). Selain itu, bantuan perubatan melalui zakat meningkatkan akses kesihatan, memperbaiki kesejahteraan fizikal dan mental, serta mengurangkan tekanan akibat kekangan kewangan (Hassan & Selamat, 2018; Mohd Nasir, Wan Mohd Azam & Miftachul Huda, 2020). Kesannya, pengagihan zakat dalam aspek sosial dan kesihatan bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup *asnaf*, malah memperkuat integrasi sosial serta kesejahteraan fizikal dan mental mereka dalam komuniti.

Peningkatan Ketakwaan dan Spiritual

Selain aspek material, zakat menyumbang kepada kesejahteraan rohani dengan mendidik *asnaf* untuk bersyukur, menjaga hati dan harta, serta memupuk ketenangan jiwa. Zakat membantu membersihkan diri daripada sifat negatif seperti iri hati dan dendam serta memberi motivasi untuk berusaha meningkatkan kualiti hidup (Samsul, 2020). Dengan itu, zakat berperanan sebagai instrumen penyucian jiwa dan pembangunan rohani yang menyokong pembentukan akhlak, ketenangan batin dan keseimbangan hidup *asnaf* selaras dengan tuntutan maqasid syariah.

Secara keseluruhannya, program pembangunan keusahawanan berasaskan zakat berfungsi sebagai mekanisme penghubung antara bantuan kewangan dan pencapaian kesejahteraan hidup *asnaf* secara menyeluruh. Dari sudut ekonomi, bantuan modal dan latihan meningkatkan pendapatan dan kestabilan kewangan. Dari aspek sosial, penglibatan dalam aktiviti keusahawanan memperkuat jaringan sosial, keyakinan diri dan penyertaan komuniti. Dari dimensi psikologi, kejayaan perniagaan menyumbang kepada rasa harga diri, motivasi dan autonomi, manakala dari sudut rohani, penerapan nilai Islam dan kesedaran zakat menyokong pembentukan akhlak, ketakwaan dan keseimbangan hidup. Hubungan ini menegaskan bahawa keusahawanan zakat bukan sekadar intervensi ekonomi, tetapi instrumen pembangunan kesejahteraan bersepadu yang selari dengan maqasid syariah. Ringkasan peranan zakat terhadap kesejahteraan hidup *asnaf* ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Peranan Zakat Terhadap Kesejahteraan Hidup *Asnaf*

Sumber: Dibina Berdasarkan Kajian Literatur

Cadangan Penambahbaikan Program

Cadangan polisi dan penambahbaikan program pembangunan keusahawanan *asnaf* di Malaysia menekankan pendekatan holistik yang selaras dengan cabaran semasa dan potensi *asnaf* untuk keluar daripada kemiskinan. Sokongan pemasaran digital adalah satu langkah penting, termasuk skim subsidi pengiklanan, latihan pemasaran, bimbingan berterusan, dan pembangunan komuniti digital *asnaf*, yang dapat meningkatkan daya saing dalam ekonomi digital (Asni et al., 2025; Meerangani et al., 2024; Ismail et al., 2023). Integrasi mikro-kewangan dan latihan pula melibatkan gabungan bantuan modal, latihan pengurusan, dan dana kecemasan untuk memastikan kelestarian perniagaan peserta (Yusof et al., 2025; Aris et al., 2021). Pemilihan peserta berpotensi tinggi disarankan melalui indeks keusahawanan, saringan motivasi, dan pengesahan komuniti oleh ketua kampung atau imam bagi memastikan program disasarkan kepada individu yang mampu memanfaatkan peluang keusahawanan (Mahmood et al., 2021; Hamid et al., 2024).

Pembangunan nilai dan motivasi Islamik turut penting dengan penekanan pada nilai Al-Qawiyy (kuat), Al-Amin (amanah), dan tasawwur Islam dalam latihan keusahawanan, membentuk peserta yang beretika, cekap, dan bertanggungjawab (Khalil & Saniff, 2023; Shiyuti & Ishak, 2025). Pemantauan dan bimbingan berstruktur diperlukan melalui penilaian prestasi, bimbingan berterusan, dan pengiktirafan pencapaian, bagi memastikan keberkesanan dan impak program (Asni et al., 2025; Meerangani et al., 2024). Selain itu, pembangunan rangkaian dan komuniti usahawan, termasuk platform mentor-mentee dan koperasi *asnaf*, dapat memperkukuh sokongan berterusan dan pertukaran pengalaman (Ismail et al., 2023). Fokus

kepada sektor berpotensi tinggi, seperti pertanian dan digital, melalui program agropreneur dan digitalpreneur, latihan kemahiran, dan bantuan peralatan turut dicadangkan untuk meningkatkan daya saing dan pendapatan *asnaf* (Yusof et al., 2025; Meerangani et al., 2024; Aris et al., 2021; Ismail et al., 2023).

Bagi penambahbaikan program, latihan berasaskan pendidikan dan praktikal termasuk kursus kemahiran, latihan digital dan praktikal terbukti meningkatkan kemahiran dan daya saing peserta (Shiyuti, 2023; Ismail et al., 2023). Pemantauan dan penilaian berterusan dengan pengiktirafan pencapaian juga diperlukan bagi memastikan keberkesanan program (Asni et al., 2025). Peningkatan akses modal dan infrastruktur, seperti penyaluran modal secara berperingkat, bantuan peralatan, serta akses kepada infrastruktur digital dan pertanian, penting untuk kelestarian perniagaan *asnaf* (Yusof et al., 2025; Saad et al., 2025). Selain itu, kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, swasta, NGO, dan institusi pendidikan dapat memperluas peluang latihan, pemasaran, dan jaringan bagi menyokong pembangunan usahawan *asnaf* (Meerangani et al., 2024).

Secara keseluruhannya, penambahbaikan program pembangunan keusahawanan *asnaf* di Malaysia memerlukan gabungan integrasi latihan, sokongan digital, pemilihan peserta berpotensi, penekanan nilai Islamik, pemantauan berstruktur, serta kerjasama strategik. Polisi yang inklusif dan responsif terhadap cabaran semasa dapat meningkatkan kadar kejayaan *asnaf* keluar dari kemiskinan serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang mampan. Ringkasannya ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Cadangan Penambahbaikan Program Pembangunan Usahawan *Asnaf*

CADANGAN	PENJELASAN & JUSTIFIKASI
<i>SOKONGAN PEMASARAN DIGITAL</i>	Skim subsidi pengiklanan digital, latihan pemasaran, bimbingan berterusan, dan komuniti digital <i>asnaf</i>
<i>INTEGRASI MIKRO-KEWANGAN & LATIHAN PEMILIHAN ASNAF BERPOTENSI TINGGI</i>	Gabungan bantuan modal, latihan pengurusan, dan dana kecemasan untuk kelestarian perniagaan
<i>PEMBANGUNAN NILAI & MOTIVASI ISLAMIK</i>	Gunakan indeks keusahawanan, saringan motivasi, dan pengesahan komuniti (ketua kampung/imam)
<i>PEMANTAUAN & BIMBINGAN BERSTRUKTUR</i>	Penekanan pada nilai Al-Qawiyy (kuat), Al-Amin (amanah), dan tasawwur Islam dalam latihan keusahawanan
<i>PEMANTAUAN & BIMBINGAN BERSTRUKTUR</i>	Pemantauan prestasi, bimbingan berterusan, dan pengiktirafan pencapaian <i>asnaf</i>
<i>PEMBANGUNAN RANGKAIAN & KOMUNITI USAHAWAN</i>	Platform jaringan, mentor-mentee, dan koperasi <i>asnaf</i> untuk sokongan berterusan
<i>FOKUS SEKTOR POTENSI TINGGI (PERTANIAN/DIGITAL)</i>	Program khusus agropreneur dan digitalpreneur, latihan kemahiran, dan bantuan peralatan

Kesimpulan

Program pembangunan keusahawanan asnaf di Malaysia penting untuk meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan sosial, sejajar dengan prinsip zakat dan maqasid syariah. Program yang menggabungkan bantuan modal, latihan kemahiran, bimbingan, sokongan digital dan nilai Islamik dapat meningkatkan kualiti hidup peserta. Walaupun begitu, cabaran seperti kekurangan modal, kemahiran pemasaran dan motivasi peserta masih wujud. Penambahbaikan melalui sokongan pemasaran digital, mikro-kewangan, pemilihan peserta berpotensi, pemantauan berstruktur dan pembangunan rangkaian usahawan adalah penting. Untuk kajian akan datang, disarankan menilai impak jangka panjang program, keberkesanan latihan digital dan peranan zakat dalam kesejahteraan multidimensi peserta. Kajian perbandingan antara negeri dan sektor pertanian atau digital juga boleh membantu membangunkan model keusahawanan asnaf yang lebih berkesan. Secara keseluruhan, pendekatan kewangan, latihan, bimbingan, dan nilai Islamik bukan sahaja menyokong kesejahteraan ekonomi dan sosial, tetapi juga membantu mengurangkan kemiskinan di Malaysia.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Teknologi MARA atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Noorfazreen Mohd Aris menulis pengenalan, metodologi, hasil dan perbincangan dan kesimpulan serta diselia oleh Dr. Nurul Fadly Habidin dan Prof. Madya Dr. Fidlizan Muhammad.

Rujukan

- Abdullah, S., Fhiri, N., Hussin, N., Yaakob, T., Azmin, A., Ishak, A., & Sallam, A. (2025). Empowering the Marginalized: Characteristics of Successful *Asnaf* Social Entrepreneurs in Malaysia. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*. <https://doi.org/10.37934/arbms.38.1.3541>
- Al-Ghazali, Abu Hamed Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa min 'Ilmu al-Usul*. Madinah al-Munawarah: Al-Jami'ah al-Islamiyyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa Abu Ishaq. (2004). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Amirus Sodiq. (2015). Konsep Kesejahteraan Dalam Islam. *Equilibrium*, 3(2), 380–405. <http://journal.stainkudus.ac.id/index.php/equilibrium/article/view/1268/1127>
- Aris, N., P.Rameli, M., Sharif, D., Adnan, S., Nasir, M., & Abas, S. (2021). Empowering *Asnaf* Agropreneurs Through Economic Development Programs by Selected Zakat Institutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i11/11587>
- Asni, F., Mustafa, W., Ahmad, K., & Subri, N. (2025). Preliminary Framework For A Digital Marketing Support Scheme For *Asnaf* Entrepreneurs By Zakat Institutions In Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*. <https://doi.org/10.35631/ijemp.830015>
- Böhnke, P., & Kohler, U. (2008). *Well-being and inequality*. In S. Immerfall & G. Therborn (Eds.), *Handbook of European Societies: Social Transformations in the 21st Century*, 629-666. Springer. https://doi.org/10.1007/978-0-387-88199-7_20
- Das, K. V., Jones-Harrell, C., Fan, Y., Ramaswami, A., Orlove, B., & Botchwey, N. (2020). Understanding subjective well-being: perspectives from psychology and public health. *Public Health Reviews*, 41(25), 1–32. <https://doi.org/10.1186/s40985-020-00142-5>
- Dayang Shobihah Abang Abai, Mohd Daud Awang, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Arfah Ab. Majid, & Hadi Hamli. (2020). Bentuk Bantuan Modal Agihan Zakat *Asnaf* dan Pencapaian Usahawan *Asnaf* di Malaysia : Kajian Empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93–99.
- Fadhilah Mohd Zainon, Marina Abu Bakar, Afiffudin Mohammed Noor, Muhamad Husni Hasbulah, & Mohamad Khairul Izwan Rifin. (2022). Eradicating Hardcore Poverty via Zakat Distribution: a Case Study among Poor and Needy *Asnafs* in Sik, Kedah. *International Journal of Advanced Research*, 10(08), 421–443. <https://doi.org/10.21474/ijar01/15196>
- Hamdino Hamdan, Pazim @ Fadzim Othman & Khaliq Ahmad (2013) The Importance of Zakat Funds for Poverty Alleviation Through '*Asnaf* Entrepreneurship Development Programme in Selangor. *1st International Conference on Innovation and Sustainability (ICOIS) 2013*, 3rd-4th April 2013, Sunway Resort Hotel & Spa Kuala Lumpur
- Hamid, N., Ismail, I., Yunus, N., Norizan, S., & Palil, M. (2024). Insights for growth: Understanding the drivers of *ASNAF* entrepreneurial success in Malaysia. *Edelweiss Applied Science and Technology*. <https://doi.org/10.55214/25768484.v8i2.753>
- Hanita Kadir @ Shahr, Adilah Azhar, & Nazliatul Aniza Abd Aziz. (2022). Utilizing Zakat Fund to Develop Microtakaful Scheme for Enhancing Financial Well Being among Self Employed *Asnaf*. *Global Conference on Business and Social Sciences Proceeding*, 13. [https://doi.org/10.35609/gcbssproceeding.2022.1\(71\)](https://doi.org/10.35609/gcbssproceeding.2022.1(71))
- Hashim Ahmad Shiyuti, & Syed Musa Al-Habshi. (2018). An Overview of *Asnaf* Entrepreneurship Program by Lembaga Zakat Selangor, Malaysia. *6th ASEAN*

- Universities International Conference on Islamic Finance (AICIF)*, November, 1–12. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3299107>
- Hashim, N., Mohamad, A., & Othman, A. (2020). The Challenges Encountered By Zakat Recipients Entrepreneurs. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2(1), 157–164.
- Hassan, M. F., & Selamat, R. (2018). The role of zakat in bridging the healthcare gap among the poor and marginalized communities. *International Journal of Social Welfare*, 32(4), 228–241.
- Ismail, M., Ahmad, N., & Othman, A. (2023). Overview of Digital Marketing Strategy Among *Asnaf* Entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i11/19388>
- Khalil, N., & Saniff, S. (2023). Analysis of *Asnaf* Entrepreneurial Development Based on the First Principle of Islamic-based Development. *KnE Social Sciences*. <https://doi.org/10.18502/kss.v8i12.13733>
- Maymunah Ismail, Sharina Shariff, & Harniyati Hussin. (2021). Pemerkasaan Program Pembangunan Ekonomi Usahawan *Asnaf* Melalui Dana Zakat. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(2), 52–65.
- Meerangani, K., Hamid, M., Hashim, S., Sharif, D., Jofri, M., & Mansor, M. (2023). Digital Platform Potential for *Asnaf* Zakat Entrepreneurs: A Systematic Literature Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i11/16214>
- Meraj, M. A. (2019). Zakat: Islamic Device for Social Justice. *International Journal of Research and Analytical Reviews*, 6(2), 639–654.
- Mohd Nasir Masroom, Wan Mohd Azam Wan Mohd Yunus, & Miftachul Huda. (2020). Understanding of significance of zakat (islamic charity) for psychological well-being. *Journal of Critical Reviews*, 7(2), 693–697. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.02.127>
- Muhammad Firdaus Suhaimi, Abdul Ghafar Don, & Anuar Puteh. (2021). Pembangunan *Asnaf* di Selangor Melalui Program Latihan. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 88–100.
- Nurul Azma Abu Bakar, Norashidah Hashim, Azizah Othman, Raziah Md Tahir, & Mohd Norhaizzat Naim Mohd Azlan. (2022). Sekolah Zakat: Peluang Peningkatan Kualiti Hidup Menerusi Institusi Pendidikan. *International Journal of Islamic Business*, 7(1), 60–75. <https://doi.org/10.32890/ijib2022.7.1.5>
- Rizvi, S., & Pasha-Zaidi, N. (2021). Health and Wellbeing: Bridging Secular and Islamic Worldviews. In N. Pasha-Zaidi & S. Rizvi (Eds.), *Toward a Positive Psychology of Islam and Muslims* (pp. 183–206). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-030-72606-5_9
- Rusk, R. D. (2022). An Adaptive Motivation Approach to Understanding the ‘How’ and ‘Why’ of Wellbeing. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19, 1–24. <https://doi.org/10.3390/ijerph191912784>
- Samsul. (2020). Tujuan dan Sasaran Zakat Dalam Konteks Ibadah Dan Muamalah. *IBEF: Islamic Banking, Economic and Financial Journal*, 1(1), 70–80. <http://journal.uin-alaudidin.ac.id/index.php/IBEF/article/view/19428>
- Seligman, M. (2011). Flourish: a visionary new understanding of happiness and well-being. In Free Press. *Free Press*. <https://doi.org/10.5860/choice.48-7217>
- Sharipah Amirah Abas & Mohd Faizal P.Rameli. (2023). The Implementation of *Asnaf's* Economic Empowerment Program (PROPER A) in Perak, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarems/v12-i3/19136>

- Shir, N., Nikolaev, B. N., & Wincent, J. (2019). Entrepreneurship and well-being: The role of psychological autonomy, competence, and relatedness. *Journal of Business Venturing*, 34(5), Article 105875. <https://doi.org/10.1016/j.jbusvent.2018.05.002>
- Shiyuti, H., & Ishak, A. (2025). Islamic Entrepreneurship Among *Asnaf* Individuals in Malaysia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*. <https://doi.org/10.33102/jmifr.592>
- Siti Nadiyah Mohd Ali, Huraizah Arshad, Nurul Sahida Fauzi, & Ghonim, S. M. A. A. (2023). Synergizing Community Empowerment: Unveiling the Holistic Framework of Waqf Zakat and Infaq-Funded Agricultural Mosque Projects. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 131–136. <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v8i26.5146>
- Suraini Saufi, Tuan Shamsudin Tuan Noor, Shaari, Mohd Azim Abu Hasan, & Sabree Noor. (2021). Faktor-faktor yang Boleh Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Di Kalangan *Asnaf* Di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 1(2), 61–67.
- Tengku Mohd Azizuddin Tuan Mahmood, Noormariana Mohd Din, Abdullah Al Mamun, & Mohamed Dahlan Ibrahim. (2021). Issues and Challenges of Zakat Institutions Achieving Maqasid Syariah in Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 2(1), 119–137.
- World Bank (2024). *Understanding Poverty*. <https://www.worldbank.org/en/topic/poverty>
- Yusof, M., Khairi, W., Romli, N., Bhari, A., Yaakob, M., Khalid, M., & Abdullah, M. (2025). A Systematic Literature Review for Improving the Development of Agricultural *Asnaf* Entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2025.90400466>